Dan selanjutnya saya perintahkan:

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelong awam, yang akan diadakan pada hari Selasa, 31 Julai 2012 pada jam 10.00 pagi di Pejabat Tanah Kerian, 34200 Parit Buntar, Perak Darul Ridzuan;
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM63,000.00 (Ringgit Malaysia: Enam Puluh Tiga Ribu sahaja). dan
- (c) dalam Simpanan Melayu.

Bahawa saya dapati jumlah yang perlu dijelaskan kepada pemegang gadai pada tarikh 17.4.2012 ialah 75,707.21 sahaja.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Parit Buntar. No. P.T.—3859. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.M. 1633. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan: 644/2007.

Bertarikh 28 Jun 2012
[PTK(FC) 369/12/03]

NOR AINI BINTI MOHD NORDIN
*b.p. Pentadbir Tanah
Kerian*

No. 1465.

(Seksyen 321)

NOTIS MENGENAI KEMASUKAN KAVEAT

Kepada Abdul Razak bin Choh, beralamat di No. 111 Persiaran Chandan 9 Taman Chandan Putri, 33000 Kuala Kangsar, Perak.

Pemilik yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang diperihalkan sedemikian.

Ini adalah memaklumkan kepada kamu bahawa, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 324, saya pada hari ini memasukkan ke dalam dokumen hakmilik daftar bagi tanah itu:

Suatu Kaveat Persendirian atas Tanah No. Perserahan 826/2012 atas permohonan Bank Simpanan Nasional.

Kaveat ini adalah dimaksudkan untuk mengikat tanah itu sendiri yang diperihalkan dalam Jadual tersebut itu dan natijahnya ialah menghalang—

- (i) pendaftaran suratcara urusan,
- (ii) catatan mengenai tuntutan faedah di bawah tenansi,
- (iii) kemasukan kaveat pemegang lien.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Sayung. No. Lot—13371. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 6694. No. Berdaftar Pajak/Gadaian (jika ada)—356/2006.

Bertarikh 21 Jun 2012
[PTKK(D) 8/76/3 Jld.8]

ROSIAH BINTI DARUS
*Pendaftar/Pentadbir Tanah
Pejabat Daerah dan Tanah
Kuala Kangsar*

No. 1466.

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Concisom & Co. beralamat di No. 2, Jln. Seenivasagam, Ipoh, 30450 Perak dan atas permintaannya Kaveat Persendirian No. 16962/2008 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya Shum Yew Fai telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 326 Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperihalkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar—Ipoh (U). No. Lot—9761N. Jenis dan No. Hakmilik—P.N. 293704.

Bertarikh 25 Mei 2012
[PTG.Pk. 23-4/6-465(A)]

MOHD RADDI BIN MOHD YUSOF
Pendaftar/Pentadbir Tanah
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Perak

No. 1467.

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Ooi Choo Yew beralamat di Lot 17409 Taman Ling Sing Hang, 32400 Ayer Tawar, Perak dan atas permintaannya Kaveat Persendirian No. 1046/2010 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya Abd. Mutalib bin Ibrahim telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 326 Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperihalkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Senggang. No. Lot—8239. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 9559.

Bertarikh 21 Oktober 2011
[PTKK(D) 8/76/3 Jld. 8]

ROSlAH BINTI DARUS
Pendaftar/Pentadbir Tanah
Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Kangsar
Perak

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960
(Akta 486)

LAND ACQUISITION ACT 1960
(Act 486)

No. 1468.

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

(Section 8)

DECLARATION OF INTENDED ACQUISITION

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah dan kawasan tertentu yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Pengambilan Tanah di bawah perenggan 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 [*Akta 486*] untuk tujuan Talian Penghantaran Elektrik 500KV dari Stesen Janakuasa Elektrik Manjung ke Point A Daerah Manjung dan Perak Tengah dalam Mukim Jaya Baru, Daerah Perak Tengah.

2. Pelan tanah dan kawasan yang dinyatakan itu boleh diperiksa pada waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi daerah tempat letaknya tanah dan kawasan itu.

It is hereby declared that the particular lands and areas specified in the Schedule hereto are needed for the following purposes:

Land Acquisition under paragraph 3(1)(a) of the Land Acquisition Act 1960 [*Act 486*] for Talian Penghantaran Elektrik 500KV dari Stesen Janakuasa Elektrik Manjung ke Point A Daerah Manjung dan Perak Tengah dalam Mukim Jaya Baru, Daerah Perak Tengah.

2. A plan of the particular lands and areas so specified may be inspected during the normal hours of business in the Land Office of the district in which such lands and areas are situated.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/District—Perak Tengah. Mukim—Jaya Baru.

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
No. Lot Ukur Survey	Hakmilik atau Kependudukan Title or Occupation	Tuan Punya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan Registered Proprietor or Recorded Occupation	Keluasan Lot Area of Lot	Anggaran Keluasan yang akan diambil Approximate Area to be Acquired
Lot No.	P.N.		HEKTAR HECTARES	HEKTAR HECTARES
99	253673	Pertubuhan Peladang Kaw. Bagan Datoh 1/12 bhg., Pertubuhan Peladang Kaw. Bagan Tiang 1/12 bhg., Pertubuhan	53.03	3.405

(1)	(2) P.N.	(3)	(4) HEKTAR HECTARES	(5) HEKTAR HECTARES
		Peladang Kaw. Gerik 1/12 bhg., Pertubuhan Peladang Kaw. Kampung Gajah 1/12 bhg., Pertubuhan Peladang Kaw. Kuala Kangsar 1/12 bhg., Pertubuhan Peladang Kaw. Lenggong 1/12 bhg., Pertubuhan Peladang Kaw. Pengkalan Hulu 1/12 bhg., Pertubuhan Peladang Kaw. Seberang Perak IV 1/2 bhg., Pertubuhan Peladang Kaw. Senggang 1/12 bhg., Pertubuhan Peladang Sungai Manik 1/12 bhg., Pertubuhan Peladang Kaw. Tanjung Piandang 1/12 bhg. dan Pertubuhan Peladang Kawasan Tapah 1/12 bhg.,		
100	253675	Pertubuhan Peladang Kaw. Bagan Tiang 1/12 bhg., Pertubuhan Peladang Kaw. Gerik 1/12 bhg., Pertubuhan Peladang Kaw. Kampung Gajah 1/12 bhg., Pertubuhan Peladang Kaw. Kuala Kangsar 1/12 bhg., Pertubuhan Peladang Kaw. Lenggong 1/12 bhg., Pertubuhan Peladang Kaw. Pengkalan Hulu 1/12 bhg., Pertubuhan Peladang Kaw. Seberang Perak IV 1/12 bhg., Pertubuhan Peladang Kaw. Senggang 1/12 bhg., Pertubuhan Peladang Kaw. Sungai Manik 1/12 bhg., Pertubuhan Peladang Kaw. Tanjung Piandang 1/12 bhg. dan Pertubuhan Peladang Kaw. Tapah 1/12 bhg.	29.600	0.409
111	290546	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Perak 1/1 bhg.	373.004	9.277
	G			
243	122977	Ladang Perbadanan Fima Sdn. Bhd. 1/1 bhg.	344.037	5.022
	P.N.			
98	253668	Pertubuhan Peladang Kaw. Bagan Datoh 1/12 bhg., Pertubuhan Peladang Kaw. Bagan Tiang 1/12 bhg., Pertubuhan Peladang Kaw. Gerik 1/12 bhg., Pertubuhan Peladang Kaw. Kampung Gajah 1/12 bhg., Pertubuhan Peladang Kaw. Kuala Kangsar 1/12 bhg., Pertubuhan Peladang Kaw. Lenggong 1/12 bhg., Pertubuhan Peladang Kawasan Pengkalan Hulu 1/12 bhg., Pertubuhan	549.106	13.336

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
	P.N.		HEKTAR HECTARES	HEKTAR HECTARES
		Peladang Kawasan Seberang Perak IV 1/12 bhg., Pertubuhan Peladang Kaw. Senggang 1/12 bhg., Pertubuhan Peladang Kaw. Sg. Manik 1/12 bhg., Pertubuhan Peladang Kaw. Tanjung Piandang 1/12 bhg. dan Pertubuhan Peladang Kaw. Tapah 1/12 bhg.		

Bertarikh 5 Julai 2012

Dated 5 July 2012

[PTG.PK. 170/9-2(C); PTSI 04/10-06-02/11]

DATO' SYED MOKHTAR BIN SYED IDRIS
*Pengarah Tanah dan Galian Negeri/
State Director of Lands and Mines
Perak*

No. 1469.

PEMBETULAN/CORRIGENDUM

Berhubung dengan Pemberitahuan No. 203 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak* pada 19 Januari 2012, gantikan Jadual dengan Jadual yang berikut:

With reference to Notification No. 203 published in the *Perak Government Gazette* on 19 January 2012 substitute the Schedule with the following Schedule:

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/District—Kinta. Mukim—Bandar Ipoh (S).

No. Lot Ukur Survey Lot No.	Hakmilik atau Kependudukan Title or Occupation	Tuan Punya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan Registered Proprietor or Recorded Occupation	Keluasan Lot Area of Lot	Anggaran Keluasan yang akan diambil Approximate Area to be Acquired
	G.R.N.		METER PERSEGI	METER PERSEGI
212S	21727	Chang Han Lin @ Chung Thim Lam 1/1 bhg.	222.96	16.187
211	61786	Lee Chong Chun 1/1 bhg.	222.96	48.562

Bertarikh 25 Jun 2012

Dated 25 June 2012

[PTG.PK. 175/7-86(C); PTK(I) 5/1/2011-1]

DATO' SYED MOKHTAR BIN SYED IDRIS
*Pengarah Tanah dan Galian Negeri/
State Director of Lands and Mines
Perak*

No. 1470.**PENUTUPAN AKAUN DEPOSIT YANG TIDAK DITUNTUT****JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PERAK DARUL RIDZUAN**

Dengan ini dinyatakan bahawa deposit-deposit seperti disenaraikan telah tidak dituntut mulai tahun 1996 sehingga tarikh notis ini dikeluarkan. Maka dengan ini diberitahu sekiranya tuntutan wang deposit berkaitan tidak dibuat dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh pemberitahuan ini disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, maka wang deposit ini akan dijadikan hasil Kerajaan Negeri Perak. Sebarang tuntutan boleh dibuat sebelum atau pada 30 September 2012 terus kepada Bendahari Negeri Perak, Ipoh.

Bil.	Kod Akaun Deposit	Nama Pendeposit	Nombor Resit/ Tarikh	Nombor Penyata Pemungut/ Tarikh	Amaun RM
MAHKAMAH RENDAH SYARIAH IPOH					
1.	79555	Noor Bakri bin Mat	538191/ 08/03/2010	00000058/ 09/03/2010	200.00
2.	79555	Noor Bakri bin Mat	538192/ 08/03/2010	00000058/ 09/03/2010	200.00
3.	79555	Azhar bin Ghazali	S002637/ 01/11/2006	00038207/ 01/11/2006	1500.00
MAHKAMAH RENDAH SYARIAH TAIPING					
4.	79555	Ramli bin Sarip	CIP C 734430/ 26/10/2005	344879 27/10/2005	350.00
5.	79555	Ahmad Zufar bin Mohamed	CIP D 513026 18/07/2006	112519/ 18/07/2006	400.00
MAHKAMAH RENDAH SYARIAH MANJUNG					
6.	79555	Norlatifah Abd Ghani	304627/ 18/08/1997	–	500.00
7.	79555	Abdul Ghani b. Othman	304132 20/11/1997	–	1500.00
8.	79555	Zaharah bt. Ismail	304133 20/11/1997	–	1500.00
9.	79555	Fazidah bt. Md Amin	517597 14/09/2009	00000048/ 15/09/2009	1000.00
MAHKAMAH RENDAH SYARIAH GERIK					
10.	79555	Zailan b. Awi	CIP E 749955/ 26/08/2010	00000098 26/08/2010	200.00
JUMLAH					7,350.00

Bertarikh 1 Julai 2012
[JKSPK 100-2/2 Jld. 2]

DATO' HAJI MUHAMAD ASRI BIN HAJI ABDULLAH
*Ketua Hakim Syarie dan
Ketua Jabatan Kehakiman Syariah
Perak Darul Ridzuan*

No. 1471.

AKAUN DEPOSIT AM YANG TIDAK DITUNTUT
UNTUK KOD DEPOSIT AM 79502
UNIT HASIL HOSPITAL TAIPING

Adalah dengan ini diberitahu bahawa wang Akaun Deposit Am yang tersebut di bawah ini telah tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan di Unit Hasil Hospital Taiping dan akan disiarkan dalam *Warta Kerajaan*. Jika tidak dituntut dalam tempoh tiga (3) bulan selepas pemberitahuan wang pertaruhan ini akan dikreditkan kepada hasil kerajaan mengikut Arahan Perbendaharaan 162.

Nama Pendeposit	No. Resit/Tarikh	Amaun RM	Tempoh Pegangan
Mohd Helmi	Cip E 184595/04.11.2008	112.00	4 Tahun
Rashidi b. Saad	Cip E 723906/20.05.2009	80.00	3 Tahun
Mohd Hanafi b. Mat Abas	Cip E 723905/26.05.2009	50.00	3 Tahun

Bertarikh 6 Julai 2012
[H.Tpg.10/0066]

NURUL IZZATI BT. MOHD. SAAD
*b.p. Pengarah Hospital
Hospital Taiping*

No. 1472.

AKAUN DEPOSIT YANG TIDAK DITUNTUT
BAGI KOD DEPOSIT 879504

KOLEJ SAINS KESIHATAN BERSEKUTU SULTAN AZLAN SHAH, ULU KINTA

Dimaklumkan bahawa wang deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan di Kolej Kejuruteraan Ipoh, Perak akan disiarkan dalam *Warta Kerajaan*. Jika tidak dituntut dalam tempoh tiga (3) bulan selepas pemberitahuan wang deposit ini akan dikreditkan kepada hasil kerajaan mengikut Arahan Perbendaharaan 162. Berikut adalah nama-nama pendeposit yang akan diwartakan.

Nama Syarikat	No. Resit	Tarikh Resit	Amaun RM
Cafefree Fruices	EQ 806123	17.03.2004	144.00
Cws Hygiene Sdn. Bhd.	EQ 783785	14.04.2005	260.00
Usaha Sains Enterprise	EQ 786742	05.11.2007	330.00
Rentokil Initial (M) Sdn. Bhd.	EQ 784433	24.08.2005	60.00

Bertarikh 6 Julai 2012
[KKM.KSKB.UK.400-3 Jld.2(03)]

ELENGOVAN VARUTHARAJU
*Pengarah
Kolej Sains Kesihatan Bersekutu
Sultan Azlan Shah
Ulu Kinta*

No. 1473.

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENYATA KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN TAIPING
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Taiping bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

2. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapatkan kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

3. Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Taiping pada 31 Disember 2010, hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut adalah selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan.

IPOH

Bertarikh 11 Ogos 2011

t.t.

(DATIN SERI SHAMSIAH BINTI HAJI DAUD)

b.p. Ketua Audit Negara

Malaysia

PENYATA OLEH AHLI-AHLI MAJLIS
MAJLIS PERBANDARAN TAIPING
PERAK DARUL RIDZUAN

Kami, Haji Nor Azalan b. Sukaimi dan Haji Mohd. Ariffin bin Haji Abdul Talib yang merupakan Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Taiping dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat kami, Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikutnya ini berserta dengan

Nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Perbandaran Taiping pada 31 Disember 2010 dan hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis

Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis

t.t.

HJ. NOR AZALAN B. SUKAIMI
Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Taiping
Bertarikh 26 April 2011

t.t.

HJ. MOHD. ARIFFIN B. HJ. ABDUL TALIB
Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Taiping
Bertarikh 26 April 2011

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS
PENGURUSAN KEWANGAN
MAJLIS PERBANDARAN TAIPING
PERAK DARUL RIDZUAN

Saya, Omor bin Saad, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Perbandaran Taiping, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan Nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah benar dan saya membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh)
penama yang tersebut di atas)
di Taiping pada 26.04.11)

t.t.
Omor Bin Saad
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Taiping

Di hadapan saya,

HAJI ISMIAL BIN MOHAMAD
Pesuruhjaya Sumpah

MAJLIS PERBANDARAN TAIPING
PERAK DARUL RIDZUAN
LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2010

	Nota	2010 RM	2009 RM
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, Loji dan Peralatan	4	33,564,177	34,766,698
Pelaburan	5	0	22,400
Jumlah Aset Bukan Semasa		33,564,177	34,789,098
ASET SEMASA			
Penghutang	6	10,080,071	9,767,693
Pendahuluan Pinjaman	7	195,414	329,085
Simpanan Tetap	8	5,250,000	4,250,000
Wang di Bank Dan di Tangan	9	2,256,431	2,141,758
Jumlah Aset Semasa		17,781,916	16,488,536
LIABILITI SEMASA			
Pemiutang	10	2,562,475	1,847,485
Terimaan Terdahulu	11	134,867	133,680
Cagaran Diterima	12	4,319,280	4,340,582
Projek Khas	13	5,516,842	5,226,037
Jumlah Liabiliti Semasa		12,533,464	11,547,784
ASET SEMASA BERSIH		5,248,452	4,940,752
		38,812,629	39,729,850
Dibiayai Oleh:			
Kumpulan Wang Terkumpul	14	16,818,495	17,203,992
Kolam Renang Kemahkotaan	15	8,427	19,528
Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan	16	21,985,707	22,506,330
		38,812,629	39,729,850

MAJLIS PERBANDARAN TAIPING,
PERAK DARUL RIDZUAN
PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

	Nota	2010 RM	2009 RM
PENDAPATAN			
Hasil Cukai	17	14,606,282	14,127,100
Hasil Bukan Cukai	18	16,364,901	15,729,866
Terimaan Bukan Hasil	19	19,279,540	32,054,006
JUMLAH		50,250,723	61,910,972
PERBELANJAAN			
Emolumen	20	19,061,248	18,312,213
Perkhidmatan dan Bekalan	21	13,112,351	11,175,922
Pulangbalik Hasil dan Hapuskira	22	14,918	14,817
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	23	108,474	77,087
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	24	325,237	324,173
Susutnilai	4	1,381,446	1,563,439
Pembangunan	25	15,851,792	27,845,839
JUMLAH		49,855,466	59,313,490
LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN ATAS PERBELANJAAN		395,257	2,597,482

PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2010

Nota	Kumpulan Wang Terkumpul		Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan		Kumpulan Wang Pinjaman Komputer		Kumpulan Wang Pelajaran		Kumpulan Wang Pinjaman Telefon Bimbit		Kumpulan Wang Pembangunan		Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	
Baki Pada 1hb Jan. 2009	9,627,372	796,550	500,000	300,000	20,000	3,702,971	14,946,893						
Lebihan Pendapatan bagi tahun	2,597,482	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2,597,482
Tambahan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2,469,177	0	2,469,177
Perbelanjaan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	(2,809,560)	0	2,809,560
Baki Pada 31hb Dis. 2009	12,224,854	796,550	500,000	300,000	20,000	3,362,588	17,203,992						
Pelarasan Tahun Lalu	(780)	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	(780)
Baki Pada 31hb. Dis. 2009 Dinyatakan Semula	12,224,074	796,550	500,000	300,000	20,000	3,362,588	17,203,212						
Lebihan Pendapatan bagi tahun	395,257	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	395,257
Terimaan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	49,890	0	49,890
Perbelanjaan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	(829,864)	0	(829,864)
Baki Pada 31hb. Dis. 2010	14	12,619,331	796,550	300,000	20,000	2,582,614	16,818,495						

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

	2010 RM	2009 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Lebih Pendapatan atas Perbelanjaan	395,257	2,597,482
Pelarasan untuk perkara-perkara yang tidak melibatkan pergerakan tunai:		
Nilaian Saham	22,400	0
Pindahan Dari Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan	(520,623)	(449,714)
Susutnilai	1,381,446	1,563,439
Faedah Dan Perolehan Dari Pelaburan	(242,651)	(116,270)
Pelarasan Tahun Lalu	(780)	(10,000)
Lebih Pendapatan Sebelum Perubahan Modal Kerja	<u>1,035,049</u>	<u>3,584,937</u>
Perubahan Modal Kerja:		
Penghutang	(312,378)	(929,787)
Pendahuluan Pinjaman	133,671	155,170
Cagaran	(21,302)	474,905
Pemiutang	714,990	586,216
Terimaan Terdahulu	1,187	5,361
Projek Khas	290,805	485,099
Tunai Dihasilkan Daripada Aktiviti Operasi	<u>1,842,022</u>	<u>4,361,901</u>
Faedah dan Perolehan Dari Pelaburan Diterima	<u>242,651</u>	<u>116,270</u>
Aliran Tunai Bersih Dihasilkan Daripada Aktiviti Operasi	<u>2,084,673</u>	<u>4,478,171</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	<u>(178,925)</u>	<u>(78,650)</u>
Aliran Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan	<u>(178,925)</u>	<u>(78,650)</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KEWANGAN		
Kumpulan Wang Pembangunan	<u>(779,974)</u>	<u>(340,383)</u>
Kolam Renang Kemahkotaan	<u>(11,101)</u>	<u>11,999</u>
Aliran Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Kewangan	<u>(791,075)</u>	<u>(328,384)</u>

	2010 RM	2009 RM
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI		
Tambahan/(Pengurangan) Bersih	1,114,673	4,071,137
Pada 1hb Jan.	<u>6,391,758</u>	<u>2,320,621</u>
Pada 31hb. Dis.	<u>7,506,431</u>	<u>6,391,758</u>
Tunai dan kesetaraan tunai diwakili oleh:		
Wang di Bank dan di Tangan	2,256,431	2,141,758
Simpanan Tetap	<u>5,250,000</u>	<u>4,250,000</u>
	<u>7,506,431</u>	<u>6,391,758</u>

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2010**

1. MAKLUMAT ORGANISASI

1.1 VISI

Menjadikan Taiping sebagai Bandar Pelancongan Warisan Berdaya Maju, Sejahtera dan Mampan menjelang tahun 2020.

1.2 AKTIVITI UTAMA

Menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada Perkhidmatan Teras serta proses utama. Majlis Perbandaran Taiping iaitu Pengurusan Am, Perancangan dan Kawalan Pembangunan, Pengawalan dan Penggalakan Perniagaan, Pengurusan Cukai Taksiran dan Harta, Perkhidmatan Perbandaran, Penyediaan dan Penyelenggaraan Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pengurusan Kewangan, Penguatkuasaan Undang-Undang, Pengurusan Zoo Taiping dan Night Safari dan Penggalakan Pelancongan.

1.3 STRUKTUR ORGANISASI

Majlis terdiri daripada 10 jabatan iaitu:

- 1.3.1 Jabatan Yang Dipertua
- 1.3.2 Jabatan Khidmat Pengurusan
- 1.3.3 Jabatan Akaun dan Kewangan
- 1.3.4 Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
- 1.3.5 Jabatan Bangunan

- 1.3.6 Jabatan Perkhidmatan Bandar dan Kesihatan
- 1.3.7 Jabatan Perancangan Pembangunan Bandar
- 1.3.8 Jabatan Kejuruteraan
- 1.3.9 Jabatan Zoo

1.4 PERJAWATAN

Kumpulan Perjawatan	Perjawatan	Taraf Jawatan	Diisi
Pengurusan & Professional	25	Tetap	16
		Kontrak	0
Sokongan I	50	Tetap	34
		Kontrak	1
Sokongan II	663	Tetap	578
		Kontrak	27
		Sambilan	7

1.5 PENGURUSAN MAJLIS

Majlis terdiri daripada Yang Dipertua, 24 Ahli Majlis dan Setiausaha yang bertindak di dalam ruang lingkup kuasa yang diberikan di bawah:

- i. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
- ii. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)
- iii. Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) dan
- iv. Undang-Undang Kecil yang diluluskan.

Lembaga/Jawatankuasa-Jawatankuasa yang diwujudkan terdiri daripada:

- i. Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
- ii. Jawatankuasa Lalulintas dan Penguatkuasaan
- iii. Jawatankuasa Pembangunan Bandar & Kesihatan
- iv. Jawatankuasa Pelancongan
- v. Jawatankuasa Kewangan (JPKA)
- vi. Jawatankuasa Tujuan-Tujuan Am
- vii. Jawatankuasa Pengurusan Majlis
- viii. Jawatankuasa Membuka Tender
- ix. Lembaga Tender
- x. Lembaga Pelupusan
- xi. Lembaga Perlantikan dan Kenaikan Pangkat
- xii. Lembaga Tatatertib

1.6 SUMBER KEWANGAN

Majlis memperoleh pembiayaan melalui hasil daripada aktiviti-aktiviti utama serta sumbangan daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

2. POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Polisi pengurusan risiko kewangan Majlis bertujuan untuk memastikan sumber kewangan Majlis adalah mencukupi bagi tujuan operasi dan pembangunan yang telah dirancang. Majlis beroperasi berdasarkan garis panduan dan polisi-polisi yang dibenarkan dan tidak terlibat dalam sebarang aktiviti spekulasi.

2.1 RISIKO KECAIRAN DAN ALIRAN

Risiko kecairan merupakan risiko bahawa entiti akan menghadapi kesukaran dalam dana bagi memenuhi obligasi semasa dan masa depan yang berkaitan dengan obligasi kewangan apabila telah sampai tempoh.

Risiko kecairan dan aliran tunai diuruskan melalui pengurusan modal kerja bagi memastikan aliran tunai sentiasa mencukupi. Pihak Majlis mempunyai bantuan kewangan yang mencukupi bagi memenuhi keperluan semasa.

2.2 RISIKO KREDIT

Risiko kredit adalah berkemungkinan bagi kerugian yang berpunca daripada kegagalan penghutang atau pihak berhubungungan untuk memenuhi obligasi kontrak mereka.

Pengurusan risiko kredit dilaksanakan melalui penilaian kredit dalaman bagi risiko kredit yang matang.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

3.1 ASAS PERAKAUNAN

3.1.1 Kos Sejarah

Penyata Kewangan ini disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah selain daripada dalam Nota-nota kepada penyata kewangan dan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia.

3.1.2 Pengiktirafan Pendapatan

i. Hasil Kendalian Operasi

Pendapatan daripada kendalian/operasi Majlis diiktiraf menggunakan kaedah asas akrual seperti cukai taksiran, caruman bantuan kadar, sewaan kecuali sewa dewan, padang dan gelanggang. Notis dan faedah simpanan tetap berkonsepkan konvensional akan diiktiraf sebagai pendapatan dalam tahun semasa dengan menggunakan asas akrual. Pendapatan daripada kendalian/operasi selain daripada yang tersebut di atas diiktiraf berdasarkan asas tunai yang mana perlu.

ii. Terimaan Bukan Hasil

Pendapatan-pendapatan lain seperti bantuan dan sumbangan daripada kerajaan Negeri dan Persekutuan atau lain-lain pendapatan yang berkelaziman atau di bawah kehendak mana-mana Akta dan arahan akan diiktiraf secara akruan.

iii. Keuntungan Simpanan Tetap

Penerimaan keuntungan untuk simpanan tetap sistem perbankan secara Islam diambilkira berdasarkan asas tunai.

3.1.3 Pengiktirafan Perbelanjaan

Perbelanjaan diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam tahun semasa dengan menggunakan asas akruan.

3.2 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan nilai aset terjejas, jika ada. Hartanah, loji dan peralatan disusutnilai menggunakan kaedah garis lurus berasaskan kepada anggaran usiaguna harta tersebut.

Harta yang berjumlah RM1,000 dan ke atas akan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan. Bagi harta yang berjumlah kurang dari RM1,000 akan dicajkan sebagai perbelanjaan di penyata pendapatan.

Harta yang dibeli sebelum atau pada 30 Jun akan disusutnilaikan setahun dan harta yang dibeli selepas 30 Jun akan disusutnilai berdasarkan kadar bulanan pada tahun pertama harta tersebut dibeli.

Tanah milik bebas tidak disusutnilai.

Kadar-kadar tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:

Tanah Milik Pajak	:	Tempoh Pajakkan 99 tahun
Tanah dan Bangunan	:	2% setahun
Kenderaan	:	20% setahun
Mesin	:	20% setahun
Kelengkapan Pejabat	:	20% setahun
Peralatan Perubatan Zoo	:	20% setahun
Peralatan Muzik	:	20% setahun
Haiwan Peliharaan di Zoo	:	20% setahun
Kelengkapan Untuk Disewa	:	20% setahun

3.3 CARUMAN BANTUAN KADAR

Pemberian Caruman Bantuan Kadar adalah berdasarkan kepada Caruman/ pemberian yang diluluskan samada oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan lain-lain pihak yang terlibat dan direalisasikan sebagai pendapatan mengikut tahun tuntutan.

3.4 PENDAPATAN GERAN

- 3.4.1 Geran pembangunan berkaitan perbelanjaan modal yang diterima daripada Kerajaan akan dikreditkan ke akaun Pemberian Kerajaan yang Dimodalkan. Amaun yang digunakan dalam tahun akan diambilkira di dalam penyata pendapatan berdasarkan kepada tempoh hayat harta berkenaan yang bersamaan dengan jumlah susutnilai yang dikenakan.
- 3.4.2 Geran-geran Kerajaan yang diterima selain daripada Geran yang berkaitan dengan Harta Tetap diiktirafkan sebagai pendapatan dalam tahun diterima tanpa wujudnya tunggakan penerimaan Geran Kerajaan di dalam Penyata Kewangan Semasa.

3.5 KERJA DALAM PERLAKSANAAN

Kerja dalam pelaksanaan adalah kerja-kerja yang masih belum disempurnakan pada akhir tahun kewangan dan dinyatakan pada nilai kos mengikut kaedah siap dilaksanakan.

3.6 KEMUDAHAN AWAM

Kemudahan awam adalah harta yang berkaitan dengan kepentingan awam dan tidak diiktiraf sebagai hartanah, loji dan peralatan dan diambilkira di bawah harta modal dalam Penyata Pendapatan.

3.7 PENGHUTANG

Penghutang dinyatakan setelah ditolak elaun hutang ragu.

3.8 PELABURAN

Pelaburan siarharga dan taksiarharga jangka panjang selain daripada pelaburan di dalam anak syarikat, syarikat bersekutu dan entiti pegangan bersekutu ditunjukkan pada harga kos dan peruntukan kerosotan nilai hanya dilakukan di mana, pada pendapat pihak pengurusan, terdapat satu kerosotan dalam nilai pelaburan tersebut. Kerosotan di dalam nilai sesuatu pelaburan diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam tempoh di mana kerosotan itu dikenalpasti.

Apabila pelaburan tersebut dijual, perbezaan di antara nilai jualan bersih dan nilai dibawa akan dicaj atau dikredit di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

3.9 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai didefinisikan sebagai baki tunai di tangan, baki bank, deposit permintaan jangka pendek dan pelaburan berkecairan tinggi yang sedia untuk ditukar kepada jumlah wang tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

3.10 PELBAGAI PEMIUTANG

Para pemiutang yang dinyatakan pada nilai kos yang merupakan nilai saksama yang dipertimbangkan akan dibayar pada masa hadapan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang diterima.

3.11 PERUNTUKAN SUSUTNILAI NILAI-NILAI ASET

Nilai-nilai dibawa aset-aset dikaji kerosotan apabila terdapat tanda bahawasanya aset-aset tersebut akan merosot. Kerosotan dikira dengan membandingkan nilai-nilai dibawa aset-aset dengan amaun-amaun akan diperolehinya. Amaun akan diperolehi adalah lebih tinggi daripada nilai tara bersih dan nilai dalam guna, yang dikira dengan merujuk aliran tunai didiskaunkan. Amaun-amaun akan diperolehi dianggarkan untuk aset-aset individu, ataupun sekiranya boleh, untuk unit penghasilan tunai.

Sesuatu kerugian kerosotan dicaj ke dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan dengan serta-merta.

Sebarang kenaikan selepas dianggap sebagai amaun akan diperolehi ke atas sesuatu aset dan ianya diiktirafkan sebagai pembalikan ke atas kerugian kerosotan sebelumnya dan diiktiraf setakat amaun dibawa aset tersebut yang diiktiraf sebelum ini (nilai bersih pelupusan dan susutnilai) sekiranya tiada kerosotan kerugian telah diiktiraf. Pembalikan diiktiraf di dalam penyata pendapatan dengan serta-merta.

5. PELABURAN

	2010 RM	2009 RM
Nilai Kos	0	22,400
Nilai Pasaran 31hb. Dis.	0	69,600

Perletakan ekuiti merupakan pegangan sebanyak 4,000 unit saham Petronas Dagangan Berhad. Pelaburan ini adalah untuk pelaburan jangka masa panjang dan tidak melibatkan jualbeli saham untuk keuntungan. Dalam tahun 2005 terdapat 4,000 unit saham bonus. Pada tahun 2010, keseluruhan saham iaitu 8,000 unit telah dijual.

6. PENGHUTANG

	2010 RM	2009 RM
Cukai Taksiran Am	5,546,790	5,201,969
Caruman Bantuan Kadar	535,498	544,577
Sewa	744,415	979,788
Notis	3,433,137	3,256,661
Pelbagai	78,694	35,152
	10,338,534	10,018,147
Tolak: Peruntukan Hutang Ragu	(258,463)	(250,454)
	10,080,071	9,767,693

7. PENDAHULUAN PINJAMAN

7.1 PENDAHULUAN KENDERAAN:

Baki pada 1hb Jan.	183,626	190,884
Tambah:		
Pinjaman Diberi Dalam Tahun	17,500	62,500
	201,126	253,384
Tolak:		
Bayaran Balik Dalam Tahun	(75,985)	(69,758)
Baki pada 31hb. Dis.	125,141	183,626

7.2 PENDAHULUAN KOMPUTER:

	2010 RM	2009 RM
Baki pada 1hb Jan.	145,459	293,371
Tambah:		
Pinjaman Diberi Dalam Tahun	7,000	8,406
	<u>152,459</u>	<u>301,777</u>
Tolak:		
Bayaran Balik Dalam Tahun	(82,186)	(156,318)
Baki pada 31hb. Dis.	<u>70,273</u>	<u>145,459</u>
Jumlah Pendahuluan Pinjaman	<u>195,414</u>	<u>329,085</u>

8. SIMPANAN TETAP

Baki pada 1hb. Jan	4,250,000	250,000
Tambah:		
Penambahan Dalam Tahun	7,000,000	8,000,000
	<u>11,250,000</u>	<u>8,250,000</u>
Tolak:		
Pengeluaran Dalam Tahun	(6,000,000)	(4,000,000)
Baki pada 31hb. Dis.	<u>5,250,000</u>	<u>4,250,000</u>

9. WANG DI BANK DAN DI TANGAN

Wang Dalam Bank

CIMB Berhad 1	3,487	6,183
CIMB Berhad 2	1,000	1,000
Maybank Berhad	178,585	171,953
Bank Simpanan Nasional	30,269	0
Bank Islam Malaysia Berhad I	60,885	18,976
Bank Islam Malaysia Berhad II	1,981,259	1,881,770
Bank Islam Malaysia Berhad III	46	60,976
Tunai Di Tangan	900	900
	<u>2,256,431</u>	<u>2,141,758</u>

10. PEMIUTANG

Emolumen	146,634	91,373
Perkhidmatan dan Bekalan	1,920,078	974,418
Perbelanjaan Lain	10,584	8,676
Pemberian dan Kenaan Bayaran	3,632	0
Aset	37,679	48,750
Belanja Pembangunan	11,950	24,750
Bayaran Juruaudit	38,034	34,637
Cek Habis Tempoh	189,296	149,424
Pelbagai Pemiutang	204,588	515,457
	<u>2,562,475</u>	<u>1,847,485</u>

11. TERIMAAN TERDAHULU

	2010 RM	2009 RM
Cagaran Padang Sarkas	30,000	30,000
Hasil Terlebih Pungut	104,867	103,680
	<u>134,867</u>	<u>133,680</u>

12. CAGARAN DITERIMA

Baki pada 1hb. Jan	4,340,582	3,865,677
Tambah:		
Diterima Dalam Tahun	553,065	995,157
	<u>4,893,647</u>	<u>4,860,834</u>
Tolak:		
Dibayar Balik Dalam Tahun	<u>(574,367)</u>	<u>(520,252)</u>
Baki pada 31hb. Dis.	<u>4,319,280</u>	<u>4,340,582</u>

13. PROJEK KHAS

Baki pada 1hb. Jan.	5,226,037	4,740,938
Tambah:		
Diterima Dalam Tahun		
Projek Khas Zoo	166,170	175,050
Bayaran Perkhidmatan Kemajuan Parit Dan Longkang di Skim Perumahan	436,313	574,429
Sumbangan Awam Letak Kereta	126,000	26,000
Lain-lain Sumbangan	870,567	940,909
	<u>6,825,087</u>	<u>6,457,326</u>
Tambah:		
Pelarasan Tahun Lalu Meniti Arus Kenangan	0	10,000
Tolak:		
Dibayar Balik Dalam Tahun	<u>(1,308,245)</u>	<u>(1,241,289)</u>
Baki pada 31hb. Dis.	<u>5,516,842</u>	<u>5,226,037</u>

Projek Khas merupakan sumbangan yang diterima daripada orang awam dan juga Kerajaan. Termasuk dalam Projek Khas ini adalah sumbangan awam bagi Peruntukan Zoo.

14. KUMPULAN WANG

14.1 KUMPULAN WANG TERKUMPUL

	2010 RM	2009 RM
Lebih Pendapatan atas	<u>395,257</u>	<u>2,597,482</u>
Perbelanjaan bagi tahun:		
Baki pada 1hb. Jan		
Seperti yang dilaporkan dahulu:	12,224,854	9,637,372
Pelarasan tahun lepas:	(780)	(10,000)
Seperti yang dinyatakan semula	<u>12,224,074</u>	<u>9,627,372</u>
Baki pada 31hb. Dis.	<u>12,619,331</u>	<u>12,224,854</u>
 Pelarasan tahun lepas:		
i. Bayaran Peguam	(780)	0
ii. Terimaan Projek Khas	0	(10,000)
	<u>(780)</u>	<u>(10,000)</u>
 14.2 KUMPULAN WANG PINJAMAN KENDERAAN	 796,550	 796,550
14.3 KUMPULAN WANG PINJAMAN KOMPUTER	 500,000	 500,000
14.4 KUMPULAN WANG PINJAMAN PELAJARAN	 300,000	 300,000
14.5 KUMPULAN WANG PINJAMAN TELEFON BIMBIT	 20,000	 20,000
	<u>1,616,550</u>	<u>1,616,550</u>
 14.6 KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN MAJLIS		
Baki pada 1hb. Jan.	3,070,858	3,399,061
Campur: Penerimaan Dalam Tahun Kumpulan Wang Pembangunan Majlis	49,890	75,240
Tolak: Pembayaran Dalam Tahun Kumpulan Wang Pembangunan Majlis	(753,337)	(403,443)
Baki pada 31hb. Dis.	<u>2,367,411</u>	<u>3,070,858</u>

Kumpulan Wang Pembangunan Majlis merupakan peruntukan yang disediakan oleh Majlis untuk melaksanakan projek-projek pembangunan yang dicadangkan.

14.7 KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN
SUMBANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

	2010 RM	2009 RM
Baki pada 1hb. Jan:	291,730	303,910
Campur: Penerimaan Dalam Tahun	0	2,393,937
Tolak: Pembayaran Dalam Tahun	(76,527)	(2,406,117)
Baki pada 31hb. Dis.:	215,203	291,730
JUMLAH KUMPULAN WANG	<u>16,818,495</u>	<u>17,203,992</u>

15. KOLAM RENANG KEMAHKOTAAN

Baki pada 1hb. Jan:	19,528	7,528
Campur: Penerimaan Dalam Tahun Kutipan Sewaan	26,000	12,000
Tolak: Pembayaran Dalam Tahun	37,101	0
Baki pada 31hb Dis.	<u>8,427</u>	<u>19,528</u>

16. PEMBERIAN KERAJAAN YANG DIMODALKAN

Ini merupakan geran kerajaan berkaitan dengan hartanah, loji dan peralatan

2010	Baki Pada 1 Januari RM	Tambahan RM	Reklasifikasi (Pelupusan) RM	Pelarasan RM	Jumlah Diperuntukkan Kepada Pendapatan Jangkamasa RM	Baki Pada 31 Disember RM
GERAN PERSEKUTUAN						
Tanah Dan Bangunan	19,996,708	0	0	0	437,252	19,559,456
Kenderaan	3	0	0	0	0	3
Mesin	58,623	0	0	0	22,728	35,895
Kelengkapan Pejabat	1,951	0	0	0	500	1,451
Haiwan Peliharaan di Zoo	1	0	0	0	0	1
JUMLAH	<u>20,057,286</u>	<u>0</u>	<u>0</u>	<u>0</u>	<u>460,480</u>	<u>19,596,806</u>
GERAN NEGERI						
Tanah Dan Bangunan	2,404,804	0	0	0	49,083	2,355,721
Kenderaan	0	0	0	0	0	0
Mesin	1	0	0	0	0	1
Kelengkapan Pejabat	44,239	0	0	0	11,060	33,179
Haiwan Peliharaan di Zoo	0	0	0	0	0	0
JUMLAH	<u>2,449,044</u>	<u>0</u>	<u>0</u>	<u>0</u>	<u>60,143</u>	<u>2,388,901</u>
JUMLAH	<u>22,506,330</u>	<u>0</u>	<u>0</u>	<u>0</u>	<u>520,623</u>	<u>21,985,707</u>

2009	Baki Pada		Reklasifikasi (Pelupusan)	Pelarasan	Jumlah Diperuntukkan Kepada Pendapatan Jangkamasa		Baki Pada 31 Disember
	1 Januari RM	Tambahan RM			RM	RM	
GERAN PERSEKUTUAN							
Tanah Dan Bangunan	20,433,960	0	0	0	437,252	19,996,708	
Kenderaan	(60,940)	0	0	(60,943)	0	3	
Mesin	87,952	0	0	6,600	22,729	58,623	
Kelengkapan Pejabat	(4,214)	0	0	(6,665)	500	1,951	
Haiwan Peliharaan di Zoo	(1)	0	0	(2)	0	1	
JUMLAH	20,456,757	0	0	(61,010)	460,481	20,057,286	
GERAN NEGERI							
Tanah Dan Bangunan	2,453,887	0	0	0	49,083	2,404,804	
Kenderaan	0	0	0	0	0	0	
Mesin	(9,898)	0	0	(9,899)	0	1	
Kelengkapan Pejabat	55,298	0	0	0	11,059	44,239	
Haiwan Peliharaan di Zoo	0	0	0	0	0	0	
JUMLAH	2,499,287	0	0	(9,899)	60,142	2,449,044	
JUMLAH	22,956,044	0	0	(70,909)	520,623	22,506,330	

17. HASIL CUKAI

	2010 RM	2009 RM
Cukai Langsung	13,954,105	13,474,925
Caruman Bantuan Kadar	652,177	652,175
	<u>14,606,282</u>	<u>14,127,100</u>

18. HASIL BUKAN CUKAI

Lesen	2,520,960	2,432,283
Terimaan dan Bayaran Perkhidmatan	9,045,834	8,494,270
Perolehan Dari Jualan Barang-Barang	178,433	228,690
Sewaan	2,960,606	3,190,467
Faedah Dan Perolehan Dari Pelaburan	242,651	116,270
Denda Dan Hukuman	1,416,417	1,267,886
	<u>16,364,901</u>	<u>15,729,866</u>

19. TERIMAAN BUKAN HASIL

Sumbangan Tempatan	663,248	12,169
Geran Keseimbangan	2,871,690	2,871,690
Geran Zoo	152,381	0
Geran Projek	15,043,823	27,821,089
Pelbagai Terimaan	27,775	899,345

	2010 RM	2009 RM
Hutang Ragu Dibaik Pulih	0	0
Kredit Tertunda	520,623	449,713
	<u>19,279,540</u>	<u>32,054,006</u>
20. EMOLUMEN		
Gaji dan Upahan	11,123,625	10,929,467
Elaun Tetap	2,421,762	2,411,848
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan	1,926,902	1,900,441
Elaun Lebih Masa	1,482,197	1,231,510
Faedah Kewangan Kakitangan Awam	2,106,762	1,838,947
	<u>19,061,248</u>	<u>18,312,213</u>
21. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN		
Perjalanan Dan Sara Hidup	474,180	438,785
Perhubungan Dan Utiliti	1,858,166	2,039,482
Sewaan	277,000	582,789
Bekalan Bahan Mentah	1,699,089	2,189,082
Penyelenggaraan Dan Pembaikan	2,406,421	2,138,590
Bekalan Dan Bahan Lain	947,263	838,842
Perkhidmatan Ikhtisas Dan Hospitaliti	5,450,232	2,948,352
	<u>13,112,351</u>	<u>11,175,922</u>
22. PULANGBALIK HASIL DAN HAPUSKIRA		
Pulangbalik Hasil	14,918	14,817
	<u>14,918</u>	<u>14,817</u>
23. PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP		
Pemberian Dalam Negeri	50,000	54,976
Ganjaran	58,474	22,111
	<u>108,474</u>	<u>77,087</u>
24. PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN		
Bayaran-bayaran Lain	251,115	228,987
Komisen Bank	66,112	71,344
Hutang Ragu	8,010	23,842
	<u>325,237</u>	<u>324,173</u>

25. PEMBANGUNAN

	2010 RM	2009 RM
Perparitan/Longkang/Tebatan Banjir	586,456	0
Gerai/Bazar dan Kompleks Perniagaan	66,444	0
Kemudahan Pelancongan, Rekreasi dan Lanskap	26,600	0
Menaiktaraf Bangunan MPT	21,761	0
Membina Infrastruktur/Longkang	19,700	0
Kemudahan Riadah Taman	1,750	0
Kompleks Sukan/Pusat Kejiranan/Dewan	8,525	0
Memasang Papan Tanda Arah/Taman	7,266	0
Menaiktaraf Jalan	19,589	0
Lampu Jalan, Hiasan, Lampu Isyarat	3,682	0
Projek Teknologi Maklumat	25,916	24,750
Pembangunan Taman Tasik Taiping	20,280	0
Belanja Pembangunan oleh Majlis	<u>807,969</u>	<u>24,750</u>
Perbelanjaan Geran Projek	15,043,823	27,821,089
	<u>15,851,792</u>	<u>27,845,839</u>

26. PENGLIBATAN MODAL

Tiada penglibatan modal pada tahun 2009 dan 2010.

27. PINJAMAN JANGKA PANJANG

Majlis Perbandaran Taiping telah menandatangani perjanjian pinjaman wang dengan Kerajaan Negeri pada 7 Jun 2010 sebanyak RM2 juta bagi tujuan pengubahsuaian kaunter utama Majlis. Pinjaman tersebut akan dibayar kepada Majlis berdasarkan kepada tuntutan yang dibuat oleh Majlis kepada Kerajaan Negeri. Sehingga kini belum ada tuntutan yang dibuat kerana kerja-kerja pengubahsuaian baru bermula.

28. LIABILITI DAN ASET LUAR JANGKA

Terdapat kes-kes tuntutan sivil oleh Majlis dan terhadap Majlis yang masih dalam proses tindakan mahkamah.

- i Hight Greenwood Sdn. Bhd. melawan Majlis Perbandaran Taiping
- Pihak panel peguam dalam proses mendapatkan perintah mahkamah untuk mentaksirkan gantirugi am yang telah terakru dari tindakan plaintif terhadap pihak Majlis. Tarikh sebutan akan datang pada 29 April 2011.

- ii. Majlis Perbandaran Taiping
melawan Power Aspects
Sdn Bhd. Mahkamah telah menghakimi
bahawa Power Aspect Sdn. Bhd.
hendaklah membayar Majlis
Perbandaran Taiping RM79,143.40.
Pihak Power Aspect Sdn. Bhd.
masih gagal menjelaskan bayaran
penghakiman tersebut. Pihak panel
peguam dalam proses pelaksanaan
penghakiman tersebut melalui
tindakan penggulungan.
- iii. Enker Resources Sdn. Bhd.
melawan Majlis Perbandaran
Taiping Dihakimkan secara persetujuan
bersama pada 30 Mei 2011
supaya pihak Majlis Perbandaran
Taiping membayar kepada plaintif
wang sejumlah RM30,793.81 untuk
kerja-kerja yang telah disiapkan
oleh plaintif dan mengembalikan
kepada plaintif sejumlah RM67,778.75
yang merupakan wang jaminan
bon pelaksanaan yang disimpan
oleh Majlis Perbandaran Taiping.

29. ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN

Angka-angka perbandingan telah diubahsuai selaras dengan pembentangan akaun-akaun untuk tahun ini.

Hakcipta Pencetak^(H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA

